

TEMUDUGA TERBUKA JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29 (LANTIKAN SAMBILAN) DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mempelawa permohonan daripada **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan untuk menghadiri temuduga terbuka jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 lantikan sambilan yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat berikut :

Tarikh/Hari : 01 September 2010 / Rabu
Masa : 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat BTM Tingkat 3A

- (i) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29**
- (ii) Taraf Lantikan : Sambilan
- (iii) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan;
 - c) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
 - d) Diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - f) Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang :
 - (i) Mempunyai asas berkaitan MySQL (SQL), Unix scripting & SQL, HTML, Visual Basic, JavaScript dan Linux Experience;
 - (ii) Pernah bekerja di bidang Teknologi Maklumat melibatkan pangkalan data dan perisian;
 - (iii) Berkebolehan menulis dan bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
 - (iv) Boleh bekerja lebih masa dan pada masa cuti;

- (v) Bekerja di bawah pengawasan yang minima; dan
- (vi) Berkebolehan mempelajari proses kerja dan struktur data sistem sedia ada dengan pantas.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PTPTN-PSM-01/1-2005 Pin. 1 yang boleh didapati secara percuma dari :

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 11, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR

- ii. Borang permohonan juga boleh didapati melalui laman web PTPTN di www.ptptn.gov.my.
- iii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil-sijil Akademik serta dokumen lain yang berkaitan. Semua salinan sijil dan dokumen hendaklah disahkan.